

WARNAI POTRET HITAM PUTIHKU

9 Watak, 21 Dialog

Jalan cerita hanyalah rekaan dan tiada kena mengena dengan mana-mana pihak.

Penulisan skrip Oleh : Nor Hafizah Binti Juman

WARNAI POTRET HITAM PUTIHKU

Sinopsis :

Cerita bertemakan kesukaran dan cabaran yang dihadapi ketika pandemik Covid-19 dan PKP yang dilaksanakan di Malaysia. Seni halus dan seni Lukis semakin ketinggalan dan hampir tiada sambutan semasa pandemik berlaku kerana kurangnya permintaan. Mengisahkan tentang seorang lelaki yang bernama Adi yang bekerja sebagai seorang pelukis potret 'Freelance'. Adi merupakan individu yang buta warna. Hanya menggunakan warna hitam dan putih Adi mampu melukis hasil potret yang luar biasa. Tawaran kerja Adi semakin berkurangan disebabkan PKP yang dilaksanakan di seluruh negara menyebabkan Adi mengalami tekanan yang luar biasa akibat kehilangan punca pendapatan dan perlu menanggung kos rawatan mata ibunya. Pertemuan dengan Lisa telah mengubah nasib hidup Adi. Lisa yang merupakan seorang Pereka Grafik telah tertarik dengan potret Adi. Mereka mula berkenalan dan hubungan mereka semakin rapat. Adakah pertemuan mereka satu takdir cinta? Pandemik telah membongkar pelbagai rahsia yang tidak diketahui oleh mereka.

Watak dan perwatakan

Adi

Seorang lelaki yang sangat istimewa, dilahirkan dengan bakat melukis semula jadi. Walaupun Adi telah disahkan Buta Warna yang diwarisi oleh ibunya tetapi Adi tidak pernah merasa kekurangan tersebut. Adi sangat menyayangi ibunya. Berumur 26 tahun.

Lisa

Seorang wanita yang berketerampilan menarik, sukakan pelbagai jenis seni lukisan dan seni halus. Seorang Pereka Grafik di syarikat swasta. Berperwatakan peramah, manis dan penyayang. Lisa juga sebaya Adi yang berumur 26 tahun.

Ibu Ana

Merupakan seorang ibu tunggal dan ibu kandung Adi, mengalami masalah buta warna. Membesarkan Adi dengan penuh kasih sayang. Tidak bekerja kerana mengalami masalah katarak mata.

Papa Helmi

Merupakan bapa kepada Lisa. Bekerja sebagai seorang Doktor di sebuah hospital di Kuala Lumpur. Seorang yang sangat tegas dan amat prihatin terhadap perkembangan hidup anaknya.

Pn. Hasma

Ibu tiri kepada Lisa. Seorang yang suka mengawal hidup orang lain dan sangat toksik.

Amar

Kawan baik Adi, mereka berkawan sejak kecil dan amar sering membantu Adi.

Mr.Koh

Bos kepada Lisa. Seorang yang sangat cerewet dan inginkan kerja siap walau apapun yang terjadi

Kak Ika

Rakan sekerja Lisa yang sangat akrab dan tinggal bersama-sama.

Doktor Jebat

Doktor yang merawat ibu Adi

DIALOG 1: EXT. DI SEBUAH SEKOLAH DI KLANG - DI WAKTU PAGI

Kelihatan Adi sedang duduk dan melukis mural di dinding bertemakan potret tokoh Kemerdekaan di Sekolah Rendah di Klang bersama rakan baiknya Amar.

Adi : Wei, Amar boleh tak tolong ambikan tong warna putih dekat tepi tu?

Amar : Adi,engkau ada dengar tak pasal virus covid 19 yang sudah merebak ke Negara kita ni? (Sambil menghulurkan Apa yang dipinta Adi)

Adi : adalah juga aku dengar tapi aku malas nak ambil tahu wei, yang penting kerja siap.

Amar : Aku bukan apa tau Adi, takut nanti kita tak ada kerja sangat sebab yalah orang dah mula takut nak keluar sangat sebab musim covid ni.

Adi : Aku pun ada terdengar juga pasal berita ni, kita tengoklah macam mana nanti.

Mereka berdua terus fokus menyiapkan kerja yang diberikan oleh pihak sekolah dan terus pulang setelah selesai melukis potret mural di dinding sekolah.

DIALOG 2 : INT. PEJABAT REKA GRAFIK – JAM 9.00 PAGI

Kringgg! Kringggg! Hello, ya saya Cik Lisa. Encik nak bertanya lanjut tentang hasil rekaan laman sesawang Encik. Okey saya akan hantar emel untuk penjelasan lanjut. Gagang telepon diletakkan semula dengan hembusan nafas yang berat.

Lisa : haishh, letih betul nak layan klien yang banyak songeh ni!

Kak Ika : Biasalah tu, dah nama pun kerja kita nak buat macam mana lagi. Macam biasalah Mr.Koh akan cakap....

Lisa & Kak Ika : “Customers Always Right” (Sambil buat muka bosan dan kemudian mereka berdua ketawa)

Selepas waktu makan tengah hari habis, kedengaran bunyi tapak kasut Mr.Koh yang menuju laju ke arah meja Lisa.

Lisa : Alamak, nak apa lagi dia ni!?! (Bisik Lisa kepada kak Ika di sebelah)

Kak Ika : Mesti dia rindu dekat kau tu yang jalan laju betul.

Mr.Koh : Ehem-ehem, Cik Lisa, saya nak awak ambil satu projek besar iaitu awak kene “design” papan tanda yang unik di tepi lebuhraya PLUS. Tajuk yang perlu diketengahkan ialah isu semasa yang melanda negara kita okay?! (Sambil menjeling tajam kearah Lisa.)

Lisa : Haa! Tapi.....

Mr.Koh : (Terus memotong kata-kata Lisa) Tak ada tapi-tapi! Saya nak awak ketuai projek ini dan setiap rekaan perlulah menarik. Jangan macam-macam ya, klien dah minta untuk kita buat. Jadi, saya nak awak sediakan usul dahulu kemudian saya akan pilih yang mana paling sesuai.

Lisa : Baiklah Mr.Koh (Bos mereka berlalu dengan muka puas hati)

Kak Ika : Selamat maju jaya wei! (Lisa menjeling Kak Ika yang mencuri dengar perbulannya dengan bos sebentar tadi)

DIALOG 3 : INT. RUANG TAMU RUMAH ADI - DI WAKTU MALAM

Kelihatan Ibu Ana sedang duduk di atas sofa sambil menonton buletin utama jam 8 malam.

Adi : Apa yang Ibu fokus sangat tu tengok TV? (Adi bertanya sambil tersengih melihat daya fokus ibunya di hadapan kaca Televisyen)

Ibu Ana : Ni haa, Ibu tengah tunggu pengumuman penting dari PM Malaysia ni.

Adi : Haa!? Pengumuman penting? Pasal apa ni Ibu?

Ibu Ana : Pasal nak buat PKP untuk kekang wabak Covid 19 lah.

Adi : Sekejapnya virus tu dan sampai ke sini.

Ibu Ana : Tu lah ibu pun risau ni macam manalah kita nak bertahan lepas ni (Keluh Ibu Ana lemah)

Adi : Tak apa Ibu, pasti ada rezeki nanti.

CUT TO :

Pengisytiharaan dari PM Malaysia mengenai PKP yang akan berkuat kuasa 18 Mac 2020 hingga 31 Mac 2020 akan dilaksanakan di seluruh negara bagi mengekang penularan Covid-19.

Adi mula tersedak apabila mendengar pengisytiharaan tersebut dari Televisyen di ruang tamu. Di dalam benak fikirannya pelbagai tugas melukis mural terpaksa ditunda.

Adi: Alamak! PKP pula! Kena duduk rumah 2 minggu. Kejap aku nak kira dulu simpanan aku untuk bulan depan.

Adi mengeluarkan sebuah sampul berisi wang simpanannya kemudian mengira jumlah wang tersebut.

Adi : Hmpp, cukup lagi ni. Lagipun 2 minggu saja. Tak perlu nak risau mana (dengan yakin Adi berkata-kata)

DIALOG 4 : EXT. RUANG PEJABAT REKA GRAFIK - DI WAKTU PAGI

Suasana pejabat di tempat kerja Lisa kini amat sibuk pada tarikh 17 Mac 2020.

Majoriti di antara mereka sedang menyiapkan diri untuk bekerja dari rumah.

Kelihatan Lisa juga sedang mengemas dan membungkus apa yang patut untuk bekerja dari rumah.

Lisa : (Sedang meneliti barang di dalam kotak) Haish, sejak PM umum nak PKP ni banyak pula barang nak kena bawa balik rumah.

Kak Ika : Nak buat macam mana, kita kenalah patuh. Kang tak pasal-pasal terkena jangkitan Covid pulak.

Mr.Koh : Awak semua dah siap kemas ke? Tolong cepat sikit ya, saya ada pengumuman penting dan skop kerja baharu untuk korang semua. (Sambil bercekak pinggang melihat telatah pekerjaanya yang kelam-kabut)

Kak Ika : Dia ni tak menyabor betul. Buat kalut orang bertambah jer (Sambil membuat muka masam)

Lisa : shhhhh, diamlah nanti dia dengar (bisik Lisa kepada rakannya itu).

Usai mengemas dan bermesyuarat mereka berdua pun pulang ke rumah sambil bernyanyi riang di dalam kereta. Lisa amat gembira kerana tidak perlu menghadap Mr.koh yang menyakitkan hati setiap hari.

DIALOG 5 : INT. DI DALAM BILIK ADI – DI WAKTU MALAM

Setelah PKP di lanjutkan dari 2 minggu kepada 2 minggu lagi sehingga menjadi 6 bulan dan seterusnya....Adi sangat gusar dan tidak tentu arah apabila wang simpanan semakin berkurang dan Adi kehilangan kontrak pekerjaan dengan beberapa buah syarikat yang menginginkan khidmat lukisannya.

Adi : Alamak tinggal beberapa ratus jer ni untuk 2 bulan akan datang. (Sambil mengira wang ditangan)

Ibu Ana : (Datang menjenguk Adi dengan muka risau) Adi okey ker tu?

Adi : tak ada apa-apa Ibu, Cuma tengah sempit sekarang ni. Maaf Ibu, Adi tak dapat nak bayar kos rawatan ibu untuk bulan depan. (Keluh Adi kesal)

Ibu Ana : Tak apa sayang, mak ada ni haa simpan sikit. Kamu simpan jer duit kamu tuh untuk perbelanjaan rumah nanti.

CUT TO :

Ibu Ana pergi ke klinik Pakar Mata untuk temu janji sesi rawatan mata menaiki teksi tambang murah lalu masuk keruangan bilik doktor yang tersedia.

Ibu Ana : Doktor macam mana keadaan katarak dekat mata saya ni.

Doktor Jebat : nampaknya katarak pada mata sebelah kiri Puan semakin memburuk (kata Dr, Sambil membuat pemeriksaan mata)

Ibu Ana : Tapi Doktor saya dah makan semua ubat ikut preskripsi dari Doktor.

Doktor Jebat : Puan ada tak kurangkan membaca waktu gelap, kurangkan menonton skrin gajet atau berehat secukupnya?

Ibu Ana : Ada juga, tapi sejak kebelakangan ni saya agak tertekan dan banyak memasak untuk tampung wang perbelanjaan rumah.

Doktor Jebat : Ohh begitu, (Sambil menghela nafas) Begini Puan, sebenarnya Puan perlu menjalani pembedahan mata untuk buang katarak mata kiri Puan. Kos rawatan pula mencecah RM8000.00 kalau tidak Puan akan mengalami buta sepenuhnya di mata bahagian kiri.

Ibu Ana : Astaga, mahalnya mana saya nak cari duit sebanyak tuh (Ibu Ana terkejut sambil membeliakkan mata)

Doktor Jebat : Itu sahaja jalan penyelesaian yang ada Puan, saya boleh uruskan kemasukkan Puan ke hospital cuma perlu persetujuan dari Puan sahaja.

Ibu Ana : Baiklah Doktor, bagi saya berfikir dahulu. Terima kasih banyak-banyak doctor.

Doktor Jebat : Sama-sama (sambil melihat Ibu Ana bangun dan meninggalkan bilik Doktor)

DIALOG 6 : INT. DI RUANG TAMU RUMAH LISA - PADA WAKTU PETANG

Lisa sedang sibuk menyiapkan tugas dari pejabat. Sedang Lisa sibuk menaip, tiba-tiba satu notifikasi mesej masuk ke dalam telefonnya.

Lisa : Siapa pulak lah nak mesej aku "time" tengah busy ni!

Lisa : (Sambil membaca mesej Lisa terkejut) Wei Kak Ika! Mr.Koh ada mesyuarat tergepar 15 minit lagi.

Kak Ika : Hah! Yer ker?

Lisa : Risau pulak aku, apa lagi dia nih nak umumkan tiba-tiba. Dah setahun kita PKP ni. Aku risau pengumuman dari mulut Mr.Koh ni biasanya bukan benda bagus pun.

Kak Ika : Betul lah tuh, dah macam mulut puaka dah aku rasa. Setiap kali nak cakap benda penting mesti benda tuh tak elok.

Kak Ika dan Lisa ketawa selepas puas mengutuk bos mereka.

CUT TO :

Mesyuarat tergepar sedang berlangsung melibatkan beberapa kakitangan pejabat menggunakan platform Zoom sedang berjalan.

Mr.Ko : Baiklah semua, dukacita ingin saya maklumkan bahawa syarikat akan memotong gaji kita sebanyak 40% dari pendapatan kasar gaji. Jadi disebabkan pemotongan terbabit, bayaran KWSP juga terpaksa dikurangkan bagi menampung

kos perbelanjaan syarikat. Jadi, saya harap awak semua dapat menerima hakikat ini dan hiduolah secara berjimat cermat.

Kak Ika : Halamak apek ni biar betul!

Lisa : shhhhhh! Diamlah woi ko tutup tak suara ko kat laptop tu. Kang dengar nanti kau kutuk dia, tak pasal-pasal dari potong gaji terus kena buang (Gelak Lisa sambil menghempuk bantal kecil di peha Kak Ika)

Kak Ika : Bencinya lah aku dia ni! Kan betul cakap aku mesti ada je benda tak enak kalau dia tiba-tiba nak buat "meeting". Aku baru jer rancang nak kasi mak aku sikit.

Lisa : Nak buat macam mana lahai.....

Mereka berdua tidak fokus langsung mengenai mesyuarat yang dilola oleh Mr.Koh dan ralit berbual.

Kak Ika : Wei, ko tak nak telefon mama kau tu ke?

Lisa. : Hish aku benci lah makcik tu! Berlagak Diva! Tiap kali cakap dengan dia mesti aku rasa aura-aura toksik keluar dari mulut dia.

Kak Ika : Haishhh mesti ko teringin kan nak jumpa mak kandung kau.

Lisa : Betul lah tu....

Mesyuarat telah tamat dan mereka terpaksa menyambung kerja dengan muka dan perasaan yang kelat.

DIALOG 7 : EXT. LAMAN SENI SEKSYEN 7 - DI WAKTU PETANG.

Disebabkan Malaysia melaksanakan PKPP, pelbagai kelonggaran diberi mengikut SOP yang telah ditetapkan. Setiap isi rumah hanya boleh keluar kediaman dengan memakai penutup muka. Di kesempatan kelonggaran ini kelihatan Adi sedang duduk dan membawa peralatan melukis dan juga canvas.

Adi : Sedih betul nasib ni (gumam Adi seorang diri)

Adi : Sebab PKP ni banyak gila kerja aku hilang. Nak tampung belanja rumah lagi, pelbagai bil dan utiliti. Haa! Termasuk juga duit rawatan mata ibu.

Adi yang kesedihan mula melepaskan tekanan dan stress dengan melukis di atas kertas canvas.

CUT TO :

Kebetulan Lisa yang sedang lalu di kawasan tersebut untuk membeli makanan terperasan tindak tanduk Adi.

Lisa : (Berhenti seketika sambil matanya kagum melihat potret ala model yang nampak sangat realistik) Woww lukisan tu nampak betul-betul macam “real” lah!

Adi : (Ralit melukis)

Lisa : (Datang menyapa Adi) Hai awak! Menarik sangat awak punya lukisan ni!

Boleh saya tahu teknik apa yang awak gunakan dalam lukisan ni.

Adi : (Terkejut dengan sapaan Lisa) Oooi mak kau hijau!

Lisa : Ehh bapak kau hijau! Ehh dengan aku sekali melatah nihh!

Kedua-dua mereka tergelak apabila menyedari latahan mereka menjadi semakin teruk.

Lisa : Maaf-maaf saya terus sapa awak dari belakang.

Adi : Eh hahahaha tak apa, saya pun tak sangka ada orang nak tegur.

Lisa : Ni haa boleh tak awak cerita tentang lukisan awak ni dan kenapa awak guna dua warna sahaja.

Adi : Owh.... Ini dipanggil lukisan potret realisme. Saya guna pensil 2B untuk lakaran selepas tu saya gunakan cat akrilik atau pakai arang pon boleh.

Lisa : Wow! “Seriously!”. Okey Thanks lah awak sebab terangkan kat saya ni mengganggu awak nak melukis pulak.

Adi : owhh tak apa!

DIALOG 8 : INT. DI RUMAH LISA - WAKTU MALAM

Kak Ika : Wei beb! Ko ada idea tak untuk papan iklan jalan raya tu?

Lisa : Belom lah beb, aku tengah bingung habis ni.

Kak Ika : Memang susah pun nak cari inspirasi time PKP ni dengan susah nak keluar kemana-mananya.

Lisa : Eh tapi kan, tadi aku ada terserempak dengan sorang mamat nih. Perghh lawa siut dia lukis wei. Aku ingat nak kolaborasi lah dengan dia. Mana tahu dia memang tengah cari Kerja.

Kak Ika : Kolaborasi jer tau bukan bercinta sekali.

Lisa : Ehh minah ni aku sekeh kang!

Mereka berdua ralit berbual sambil makan kerepek di ruang tamu.

DIALOG 9 : EXT. LAMAN SENI SEKSYEN 7 - DI WAKTU PETANG

Lisa sedang berjalan-jalan di lorong laman seni Seksyen 7 yang penuh dengan Lukisan jalanan sambil matanya melilau mencari kelibat seseorang.

Lisa : Manalah mamat semalam tu, lupa pulak lah nak tanya nama dia apa.

Lisa : Tunggulah lah lagi beberapa minit kot-kot dia sampai lambat hari ni (gumam Lisa sendirian)

Kebetulan Adi yang baru tiba, tergepoh gapah mengeluarkan kanvas lukisan dan beberapa peralatan lukisan.

Adi : Haduh, dah kenapa aku kelam kabut ni (sambil Adi menyusun barangnya)

Lisa : "Yes!" Tak sia-sia tunggu dia. (Lisa datang dan merapati Adi secara perlahan)

Adi : Okay mari sambung yang semalam.

Lisa : Hai awak sekali lagi!

Adi : Opocot terberak kau dalam seluar! (Berus. Yang dipegang tercampak terkena pipi Lisa)

Lisa : Bertuah punya bocah! Habis pipi aku! (Marah Lisa yang terkejut dengan berus yang tiba-tiba melanting ke arah mukanya.)

Adi : Maaf awak, saya cepat melatah sikit. Haduh awak pun satu, bagilah salam dulu tak ada lah orang kalut.

Lisa : Kau tu yang gelabah ayam sangat!

Adi : Haa yer lah, perempuan kan selalu betul.

Lisa : Hahahahaha marah ke awak? (Sambil tersengih)

Adi : Taklah, dah lah saya nak sambung melukis ni. Kacau betul lah dia ni.

Lisa : ehh awak boleh tak saya tahu nama awak?

Adi : Nak buat apa tahu nama orang?

Lisa : Alah dia ni, tak "sporting" langsung. Owhh "by the way" nama saya Lisa.

Adi : hmpp nama saya Adi.

Lisa : owhh Adi, hmppp boleh tak saya nak tengok lukisan yang haritu.

Adi : Ehh belum siap lah! Tapi kalau awak nak tengok saya dan muka saya yang hensem ni siapkan lukisan ni pun tak per.

Lisa : Menyampah lah pulak dia ni.

DIALOG 10 : EXT. TEMPAT PARKING KERETA RUMAH LISA - JAM 6.30 PETANG.

Lisa : (kring kring kring) Hadoi sapa pulak lah yang beria "call" aku ni?

Lisa : Hello? Haa yer Papa. Apa!? Makan malam dengan Papa. Malaslah Papa.

Papa Helmi : Kamu jangan nak mengada yer! Bukan selalu kamu makan dengan mama papa sekarang ni!

Lisa : Hishh yer lah!

Kak ika : uuuuuu jejak kasih nampak! (Menyampuk Kak ika dari pintu depan)

Lisa : Mama tiri toksik aku tuh lah! Tah apa papa aku jatuh cintan sangat dengan Makcik taik lalat tepi bibir tuh!

Kak Ika : Ko ada taik lalat tepi bibir? Ko tak ada en? Lemah! HAHAHAHAHAHHA

Lisa : owhh taik lalat tuh daya tarikan lah, walawei tak terpikir pulak aku selama ni!

DIALOG 11 : INT. RUANG MAKAN RUMAH PAPA LISA - JAM 8.30 MALAM.

Pn Hasma : Ayang, makanan dah siap ni! (Panggil Pn Hasma dengan lentok manja)

Lisa : Eeeee berbulu aku dengan makcik baju kebaya sendat ni macam dah nak meletup (gumam Lisa dalam hati)

Papa Helmi : Okay Ayang, "im coming".Haa Lisa meh makan sama-sama. Dah lama Papa tak nampak batang hidung kamu.

Pn Hasma : Alah biasalah tuh Ayang budak-budak dah besar mana nak berkepit dengan kita dah.

Lisa : Aku betul-betul nak hempuk makcik ni (Kutuk Lisa dalam hati lagi)

Papa Helmi : haa dah makan-makan. Baca doa dulu.

DIALOG 12 : INT. BILIK RUMAH LISA - WAKTU MALAM

Kak Ika : haa macam mana siri jejak kasih kau tadi? Menangis air mata darah tak?

Lisa : Otak lu! Bukan menangis air mata darah, dah boleh muntah darah sekali

Kak Ika : HAHHAHAHAHAH! Benci betul ko dengan makcik tuh.

Lisa : tah lah, selama ni Papa aku tuh tak pernah bercerita pasal mak kandung aku. Sedih gak. Teringin wei aku nak jumpa dia. Asal aku tanya jer mesti papa aku mengelak.

Kak Ika : Mungkin ada sebab kot Papa kau tak nak bagitahu. Dah lah jomlah kita tidur esok nak kene "Work from home" lagi.

Kak Ika & Lisa : Haishhh pishang!

DIALOG 13 : INT/EXT. DALAM KERETA LISA - JAM 4.00 PETANG.

Lisa sedang membelek siaran radio di dalam keretanya. Kelihatan Kak Ika tergopoh-gapah berlari ke arah kereta Lisa.

Kak Ika : Woi ko nak pergi mana nih?

Lisa : Nak pergi cari inspirasi lah. Ko tak dengar Mr.Koh kesayangan ko tuh dah memekak macam dah nak kiamat kat aku dok sibuk tanya pasal usul projek.

Kak Ika : Owhh haa yer lah hati-hati beb bawak kereta, pape "call".

CUT TO :

Lisa : Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Adi : Waalaikumsalam, mak aii panjang betul bagi salam.

Lisa : ehh kata ritu suruh bagi salam dulu.

Adi : Hahahah, panjang benor salamnya tuh.

Lisa : Awak-awak, saya nak tanya. Kenapa semua potret yang awak lukis majoriti hitam putih ehh.

Adi : Owhh sebenarnya saya ni ada keistimewaan sikit. Saya buta warna atau dalam erti kata lain saya kurang nampak warna warna yang sebenar yang biasanya orang

normal nampak. Contoh kalau awak rasa bunga tu biru tapi saya nampak bunga tuh ungu. Saya nampak jugak lah cuma nak teka dengan tepat tu tak berapa nampak.

Lisa : Owhhh begitu, tapi kan kenapa awak pilih hitam dengan putih jer?

Adi : Sebab dua warna ni senang saya nak teka. Jadi saya tak perlu susah-susah nak kene telefon kawan saya "just" nak tanya ni warna apa enn.

Lisa : Sejak bila awak ada keistimewaan ni?

Adi : Sebenarnya mak saya pon salah satu individu yang buta warna dan saya mewarisi penyakit mak saya. Saya sedar masa tuh umur saya 8 tahun. Bila waktu kelas saya tak dapat teka setiap warna dengan betul.

Lisa : Mesti susah kan. Kalau macam tuh awak tanya jer dekat saya apa-apa warna saya sudi bagitahu.

Adi : ehkk tak nak lah takut susah kan awak.

Lisa : eh mana ada. Lain kali awak cuba lukis apa-apa lukisan then saya bagitahu warna apa yang sesuai. Okey tak?

Adi : Boleh ke?

Lisa : Boleh!

DIALOG 14 : INT. DI RUMAH ADI - JAM 10 MALAM

Ibu Ana sedang duduk termenung memikirkan keadaan katarak mata dan kesulitan kewangan yang dihadapinya.

Adi : Amboi Ibu, jauh termenung.

Ibu Ana : Meh sini Adi, Ibu nak cakap sesuatu ni.

Adi : haa apa Ibu, dengar macam "serious" sangat jer ni.

Ibu Ana : Begini, rawatan ibu sekarang ni perlukan pembedahan dan ibu nak tanya, kamu ada duit lebih tak Adi dalam RM 8000.00.

Adi : (Terkedu) maaf ibu, ada tapi cukup-cukup untuk perbelanjaan rumah. Tak apa Ibu, Adi cuba usahakan mana yang boleh. (Adi memeluk ibunya dengan erat dan berdoa agar ibunya dikurniakan umur dan kesihatan yang panjang.

DIALOG 15 : EXT. LAMAN SENI SEKSYEN 7 - JAM 5 PETANG

Lisa dan Adi telah berjanji untuk bertemu bagi menyambung lukisan mereka pada hari sebelumnya.

Lisa : Dah bersedia! (Jerit Lisa dengan semangat)

Adi : Hahahahaha, Bukan main dia ni!

Lisa : Okay Adi, saya nak awak lukis nih haa artis Korea yang saya minat sesangat! Park Bo Gum! "My Oppa, My Bias"

Adi : Menyampah tapi sebab awak nak tolong jadi saya ikutkan jer lah.

Mereka menyiapkan lukisan mengikut permintaan Lisa, sambil Adi mendengar arahan pemilihan warna yang dipilih oleh Lisa. Suasana pada petang itu dipenuhi

gelak tawa mereka dan Adi sangat selesa berbual banyak hal bersama Lisa dan hubungan mereka semakin rapat. Adi mula menyukai Lisa yang sangat manis dan menerima dirinya yang serba kekurangan. Lukisan yang berwarna hitam dan putih miliknya kini dipenuhi warna-warna yang indah dari gadis Bernama Lisa.

DIALOG 16 : INT. DI DALAM BILIK LISA - WAKTU MALAM

Walaupun 2 minggu mengenali Adi, Lisa mulai suka berbual banyak perkara denganya. Lisa sedang ralit meniarap dan berbalas mesej dengan Adi.

Kak Ika : Woi! Sengih sorang-sorang nampak! Bukan main ko ehh ada pakwe tak nak kenalkan kat aku.

Lisa : ishh dia ni, bukan pakwe lah tapi 'TTM' gituw!

Kak Ika : Taik kucing kau 'TTM'. Tak yah nak teman tapi mesra sangat! Kalau dah suka bawaklah pergi makan dengan papa kesayangan kau tuh nanti.

Lisa : (menghempuk Kak Ika menggunakan bantal peluk) Lambert lagi ehhh tapi apa salahnya kan kalau kita cuba. Hehehehe.

Kak Ika : Kemain kau ehh terus kenalkan bakal menantu. Wakakaka

DIALOG 17 : INT. BILIK ADI - WAKTU MALAM

Adi yang beberapa hari tidak sihat mula melakukan ujian RTK covid di rumah dan mendapati dirinya covid-19 tetapi ibunya disahkan negatif.

Adi : (Menelefon Lisa)

Lisa : Hello, haa yer Adi, kenapa?

Adi : Macam ni saya positif covid, saya nak awak buat "swab test" jugak.

Lisa : Lah yer ker? Okeylah saya buat besok. Apa-apa pun awak jaga diri tau.

Emmm kalau boleh lepas awak sihat saya nak ajak awak makan malam dengan family saya.

Adi : Haaaa! (Tersedak air liur)

Lisa : Ehh awak jangan salah faham! Saya cuma nak kenalkan awak dekat papa saya jer dan saya nak tawarkan kolaborasi projek dengan awak ni.

Adi : Halamak Malu pulak saya! Kalau macam tuh saya bawa Ibu saya sekali lah tak ada lah kekok sangat nanti. Apa-apa pun projek apa ni?

Lisa : Tolong saya "design" papan tanda dekat jalan raya. Nanti awak dapat upah jugak.

Adi : Ya! Boleh (tanpa berfikir panjang terus bersetuju)

Lisa : Tapi makan malam tu lepas awak sihat lah ehh Adi!

Adi : Okay awak "Good night, sweet dream" (sengih sorang-sorang)

Lisa : hehehehehe awak pun.

DIALOG 18 : INT. SEBUAH RESTORAN THAI – JAM 8 MALAM

Setelah Adi habis tempoh kuarantin, dia dan Lisa telah bersetuju untuk makan malam bersama keluarga mereka. Kelihatan Keluarga Lisa telah sampai di restoran terlebih dahulu. Kemudian Adi melambai tangan kearah Lisa sambil memimpin tangan ibunya.

Lisa : Psstttt Adi sini-sini. (sambil melambai)

Papa Helmi : (sedang duduk membelakangi Adi Ketika itu) haa kawan kamu tuh dah sampai ke?

Lisa : hehehe dah papa

Adi : Assalamualaikum pakcik, Lisa. Maaf saya lambat sikit.

Dan Ketika Ibu Ana ingin menyapa Lisa, Papa Helmi terkedu dan terkejut melihat gerangan yang hadir dihadapan mata. Begitu juga Ibu Ana. Kedua-dua mereka kelihatan terkedu tiba-tiba...

Ibu Ana : Helmi, awak buat apa kat sini?

Papa Helmi : Awak tuh yang sepatutnya saya tanya.

Ibu Ana : (menoleh kearah Adi sambil bertanya) Adi, ini ke Wanita yang kamu berkenan sangat tuh.

Adi : errrrrr

Papa Helmi : Apa?! Mana boleh kamu berdua bercinta! Papa bangkang! Dah jum balik!

Lisa : Apa ni pa, kita baru sampai kot makan pon belum lagi. Cuba papa bagitahu Lisa kenapa? Tak ada lah kitorang berdua terpinga macam ni.

Ibu Ana : Sebenarnya, kami berdua pernah berkahwin dulu.

Lisa & Adi : Haaaa?!

Papa Helmi : ehemmm, betul tuh. Papa pernah kahwin dengan ibu Adi merangkap ibu kandung kamu juga Lisa.

Lisa : (Terkedu)

CUT TO FLASHBACK :

24 tahun yang lalu....

Ibu Ana : abang! Saya penat lah dengan awak ni, mak awak asyik paksa-paksa saya buat apa yang dia nak. Memang saya datang dari keluarga miskin tapi saya tak sanggup dengan semua ni. Kenapa kita kena tinggal dengan mak awak!

Papa Helmi : Sabar awak, saya tengah kerja keras ni. Nak beli susu anak-anak lagi.

Ibu Ana : mak awak asyik-asyik hina saya, saya tak sanggup. Saya rela awak lepaskan saya.

Papa Helmi : apa awak merepek ni!

Ibu Ana : SAYA BUKAN MEREPEK! SAYA DAH TAK TAHAN DENGAN SEMUA NI!
AWAK ASYIK NAK MENANGKAN MAK AWAK JER.

Beberapa bulan Papa Helmi dan Ibu Ana bertengkar setiap hari sehingga terabai anak-anak. Mereka mengambil keputusan berdamai tetapi Ibu Ana telah tawar hati dan berhasrat untuk teruskan hidup tanpa Papa Helmi. Ibu mertua memburukkan lagi keadaan hubungan mereka.

Papa Helmi : Dah 8 bulan kita asyik bergaduh, jika awak berdegil untuk pergi saya terpaksa lepaskan awak. Tapi, dengan syarat, saya bawak Lisa dan awak bawak Adi. Hiduplah ikut macam mana awak nak.

Ibu Ana : Dengan senang hati saya pergi. Awak lebih pilih mak awak kan? Silakan, saya nak awak jaga Lisa elok-elok. Terima kasih selama ni dah jaga saya, assalamualaikum. (pergi membawa beg dan adi di dalam stroller pulang ke kampung halaman)

DIALOG 19 : DISSOLVE TO END FLASHBACK – DI KEDAI MAKAN TADI

Papa Helmi : Itulah yang terjadi dan kenapa kamu berdua tak boleh bercinta sebab kamu berdua adik beradik kandung (Duduk sambil bercerita kisah antara dia dan Ibu Ana)

Ibu Ana : Dah 24 tahun berlalu, dah tua ni ibu menyesal pulak tinggalkan Lisa dengan Papa kamu disebabkan keegoan kami dulu.

Lisa & Adi : (tetap terkedu)

Papa Helmi : Maafkan saya Na, sebab saya dengar sangat cakap mak saya, awak terseksa dan saya tak fikir semua tuh.

Lisa : Jadi, ni ibu kandung saya lah Papa?

Papa Helmi : Ya sayang.

Lisa memeluk Ibu Ana dengan erat bagi melepaskan segala rindu dan persoalan dalam hatinya selama ni.

Lisa : Tapi kenapa papa tak pernah bercerita pasal ibu Lisa ni.

Papa Helmi : Sebab papa malu dengan diri papa sebab tak mampu pertahankan keluarga sendiri.

Ibu Ana : Ibu pun sama.

Adi : (masih terdiam dan tidak mampu menerima hakikat)

Ibu Ana : Adi, Ibu harap kamu terima Lisa sebagai adik kandung kamu dan kamu tolong jaga dia baik-baik okey.

Adi : boleh ibu (menjawab dengan lemah)

DIALOG 20 : EXT/INT. STARBUCK DI IOI MALL – JAM 11 PAGI

Setelah seminggu kejadian di restoran terjadi. Adi cuba menerima hakikat bahawa gadis yang dia cintai sebenarnya adik kandungnya sendiri. Adi telah memaksa dirinya untuk bersikap tenang dan redha apabila berhadapan dengan Lisa. Adi perlu mengotakan janjinya untuk berkolaborasi bersama Lisa. Berbeza pula Lisa yang amat gembira dapat bertemu Ibu kandung dan abang kandungnya.

Lisa : Awak dah ada idea tak untuk papan iklan tuh?

Adi : Dah adad ahh ni haa (menunjukkan hasil terakhir dengan laptop)

Lisa : Wow lawa sangat! Mesti jatuh rahang Mr.Koh. hahhahahaha

Adi : awak Ibu kirim salam.

Lisa : yer ker rindu sangat ibu nnti nak jumpa lah.

CUT TO :

Lisa : (Menelefon Mr.Koh) Hello Mr.Koh?

Mr.Koh : Haaa “yes”

Lisa : Saya dah emel usul projek untuk “frontline Malaysia” tu? Mr.Koh ada dapat tak?

Mr.Koh : Haaa ye ada-ada, wow banyak cantik! Okay good! Nanti saya terus “proceed” ke klien dan bahagian “printing”.

Lisa : Okey “thank you” Mr.Koh Bye-bye.

Adi : Haa macam mana? Okay tak?

Lisa : Okay sangat! Tunggu lagi seminggu dah boleh tengok hasil kita kat papan tepi jalan raya PLUS nanti okay?

Adi : hehehehe okey!

DIALOG 21 : INT. DI DALAM KERETA – JAM 3 PETANG

Papa Helmi telah berjanji untuk membawa Ibu Ana menjalani pembedahan mata. Di dalam kereta bersama Adi dan Lisa. Mereka berdua juga telah mengambil keputusan untuk berbaik semula demi anak-anak dan mula meninggalkan sengketa lama yang pernah terjadi.

Lisa : Papa! Nanti kat tepi lebuh raya tu jalan perlahan sikit tau nak tengok hasil kerja kitorang berdua.

Ibu Ana : owhhh papan tanda jalan yang kamu berdua dok sibuk bincang haritu yer?

Lisa : hahahaha yer ibu (sambil memeluk lengan ibunya di sebelah)

Adi : papa tuh haa (menunjuk ke arah papan tanda jalan tersebut)

Papa Helmi : wahhhh! Cayalah! Nih untuk harga jasa “Frontliner Malaysia” kan?

Cantik sangat, kalau papa “frontliner” mesti papa dah nangis sebab terharu.

Lisa : HAHAHAHAhhaa main papa!

Papa Helmi : Adi, papa ingat nak bagi kamu satu kerja ni. Papa nak kamu ada kerjaya dan tak bergantung sepenuhnya dengan tawaran Lukis mural atau potret.

Adi : apa tuh papa?

Papa Helmi : kawan papa nak minta tolong papa carikkan pereka grafik untuk animasi syarikat dia. Kalau kamu nak papa tolong cakapkan. Tapi kamu jangan rasa rendah diri dan ambil saja peluang ni.

Ibu Ana : haa betul lah tu kata papa kamu. Apa salahnya kamu cuba.

Adi : Okaylah papa, Adi cuba dulu. Apa-apa nanti Adi bagitahu lah.

Papa Helmi : Alhamdulillah, senang hati papa dengar. Harap Adi okay lah dengan apa yang papa mampu bagi walaupun tak banyak.

Adi : Okay jer papa (sambil tersenyum)

Lisa : Fuyoo! Terus dapat "Job" lah orang tu. Hahahaha

Perjalanan mereka dipenuhi dengan pelbagai cerita dan gelak tawa. Lisa dan Adi amat gembira dapat bertemu ibu bapa kandung yang terpisah lama dan berharap hubungan adik beradik mereka tidak akan putus lagi.

Kesimpulan bagi kisah ini, hubungan adik beradik tidak sepatutnya dirahsiakan oleh ibubapa untuk mengelakkan hubungan terlarang. PKP yang melanda telah melumpuhkan banyak ekonomi salah satu yang tenggelam ialah seni halus dan seni lukis. Kesusahan yang dialami Adi dalam mencari pendapatan sepanjang pasca covid 19 sebagai seorang pelukis "Freelance" telah membawa dirinya ke satu pertemuan yang tidak dijangka.

-TAMAT-